

SOALAN NO: 502

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani Bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tindakan proses mengenai 20 akta Perhubungan Perusahaan 1967 dapat dipercepatkan

PR-1341-T71901

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) telah mengambil tindakan pantas dengan membuat penambahbaikan dalam proses pengendalian kes-kes Representasi Pemulihan Kerja.

2. JPPM kini telah mengambil langkah untuk memfokus terhadap cadangan penambahbaikan ini bagi menetapkan tempoh 90 hari bekerja secara pentadbiran (*administrative*) di peringkat JPPM. Tindakan ini adalah berdasarkan keperluan semasa untuk memastikan proses pengendalian representasi pemulihan kerja di bawah seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan (APP) 1967 dilaksanakan dengan cekap dalam tempoh masa yang cepat.

Tuan Yang Di Pertua,

3. Keperluan ini juga timbul kerana pada ketika ini, tiada had tempoh masa yang khusus ditetapkan di dalam APP 1967 dalam pengendalian kes-kes Representasi Pemulihan Kerja. Tujuan penambahbaikan pengendalian kes-kes Representasi Pemulihan Kerja dalam tempoh 90 hari secara pentadbiran ini juga adalah bagi memastikan penyampaian perkhidmatan Jabatan kepada pelanggan adalah lebih cekap dalam tempoh masa yang munasabah seiring dengan keperluan masa kini.